

Hubungan Pencapaian Pentaksiran Kerja Kursus dengan Pencapaian Peperiksaan Akhir Semester November 2017 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG Kampus Ilmu Khas

Syed Ismail Syed Mustapa, PhD., Lee Leh Hong, PhD

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

syed_ismail@ipgkik.edu.my

sharonlee@ipgkik.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara pencapaian Pentaksiran Kerja Kursus dengan pencapaian Peperiksaan Akhir Semester bagi kursus-kursus yang ditawarkan dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG Kampus Ilmu Khas pada Sesi Jun-November 2017. Sebanyak 17 kursus teras daripada bidang pengkhususan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK), Pendidikan Muzik (PMuzik), Pendidikan Khas (PK), Pengkhususan Bahasa Inggeris (TESL); 6 kursus Asas Pendidikan dimana 4 kursus adalah dwibahasa serta 24 kursus Elektif Teras. Jumlah keseluruhannya sebanyak 47 kursus yang ditawarkan pada sesi Jun-November 2017 telah dipilih sebagai sampel kajian. Data kajian yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science 23.0 (SPSS) melalui analisis korelasi Pearson. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian Penilaian Kerja Kursus dengan pencapaian Peperiksaan Akhir semester bagi 18 daripada 47 kursus (5 daripada 17 Kursus Teras; 4 daripada 6 kursus Asas Pendidikan dan 9 daripada 24 kursus Elektif Teras). Terdapat 2 kursus yang mempunyai hubungan positif yang kuat, 13 kursus mempunyai hubungan positif yang sederhana dan 3 kursus mempunyai hubungan positif yang agak lemah. Hasil daripada kajian ini dapat membantu pensyarah merangka strategi bagi memantapkan pelaksanaan proses PdPC dan seterusnya meningkatkan kualiti pelaksanaan pentaksiran kerja kursus. Pentaksiran Kerja Kursus yang mantap akan dapat membantu pelajar menguasai isi pelajaran dan seterusnya dapat membantu pelajar menjawab dalam Peperiksaan Akhir Semester dengan lebih cemerlang.

Kata kunci: Korelasi, Pentaksiran Kerja Kursus, Peperiksaan Akhir

Telah dibentangkan dalam 4th International Conference on Teacher Learning and Development pada 14-16 Ogos 2018 di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur.